

23 ahli BKSS sertai Ekspedisi Memancing di Tasik Kenyir

Oleh: TUAN ZAIRANI TUAN AB RAHMAN

Seramai 23 ahli Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Ekspedisi Memancing di Tasik Kenyir, Terengganu pada 25 hingga 27 Februari yang lalu.

Menurut Pengerusi BKSS, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, setiap penganjuran pertandingan yang dianjurkan oleh BKSS bukanlah untuk mencari siapa yang bakal menjadi pemenang ataupun juara tetapi lebih kepada untuk melihat bagaimana staf mewujudkan sifat-sifat bekerjasama antara satu sama lain.

Di samping itu, ia juga mampu melahirkan nilai-nilai murni dan positif, cara menyelesaikan masalah dan membentuk kumpulan yang boleh membangun kepada kejayaan dalam pasukan serta kesabaran dalam diri masing-masing.

“Ini mempunyai kaitan yang sangat bernilai jika faktor-faktor tersebut dipraktikkan di dalam organisasi khususnya di UMP,” katanya.

Tambah Mustafa lagi, BKSS telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk staf UMP bagi memberi ruang untuk beriadah dan merehatkan minda di samping menjadi medan pertandingan dan perlumbaan untuk memupuk sikap bekerjasama dan semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain.

Perjalanan ke destinasi perkhemahan di Gua Bewah memakan masa hampir lima jam.

Walaupun jauh perjalanan, peserta sudah tidak sabar untuk menduga spesies ikan yang terdapat di dalam tasik dengan memasang umpan pelbagai cara mengikut kreativiti dan kemahiran masing-masing.

